

05 AUG 2003

MCA-Jawatankuasa/I

MCA TIDAK BENTUK J/KUASA PENAJA

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- MCA tidak akan menubuh jawatankuasa penaja di kesemua 25 kawasan Parlimen baru, sebaliknya akan membentuk jawatankuasa pilihan raya parti di kawasan terbabit.

"Kami mahu hadapi pilihan raya dulu. Kami sudah mengarahkan ketua badan perhubungan negeri mengenal pasti mereka yang akan dilantik menganggotai jawatankuasa itu," kata setiausaha agung MCA Tan Sri Dr Ting Chew Peh hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat majlis presiden MCA yang dipengerusikan oleh presiden parti Datuk Seri Ong Ka di ibu pejabat MCA Di sini hari ini.

Ting berkata presiden parti juga mengarahkan ketua badan perhubungan negeri parti itu mengenal pasti calon yang berpotensi untuk menganggotai jawatankuasa pilihan raya di 25 kawasan itu secepat mungkin.

Ketua perhubungan negeri akan mencadangkan nama dan mereka akan dipersetujui dan disahkan oleh majlis presiden dan jawatankuasa pusat MCA, kata Ting.

Beliau berkata parti itu hanya akan menubuhkan bahagian di kawasan baru selepas Pilihan Raya umum, yang dijangka di adakan dalam masa 18 bulan.

"25 jawatankuasa pilihan raya akan beroperasi seperti satu bahagian. Kami mahu bekerja keras untuk pilihan raya, bukan bahagian," kata Ting.

Menurutnya ada kemungkinan anggota jawatankuasa pilihan raya dilantik sebagai pemimpin bahagian kawasan pilihan raya masing-masing selepas pilihan raya umum.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata majlis presiden hari ini bersetuju perlembagaan parti itu dipinda yang menetapkan presiden, ketua pemuda dan ketua wanita memegang jawatan bagi tempoh maksimum sembilan tahun atau maksimum sembilan tahun, mulai sekarang.

Ting berkata majlis itu juga membincangkan perhimpunan agung tahunan ke- 50 parti itu Sabtu ini yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional.

"Ada 10 resolusi kesemuanya yang menyentuh topik seperti ekonomi, pendidikan dan hal ehwal sosial," katanya.

Ting juga berkata majlis presiden parti itu juga menyokong senarai para pemegang jawatan tiga badan perhubungan Pemuda negeri.

"Tiga senarai negeri iaitu Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sudah dipersetujui oleh majlis presiden," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT